# Nik Omar bin Nik Man lwn Bank Simpanan Nasional dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — GUAMAN SIVIL NO 21–6 TAHUN 1999
ZAINAL ADZAM PK
7 DISEMBER 2003

*Undang-Undang Buruh — Pekerjaan — Penamatan perkhidmatan — Notis penamatan — Sama ada tempoh yang cukup diberikan menurut terma perkhidmatan — Pemberian surat pembayaran gaji sebulan sebagai ganti notis — Sama ada tarikh penguatkuasaan penamatan kerja boleh dikebelakangkan daripada masa gaji sebulan dibayar*

Plaintif telah diberhentikan kerja oleh defendan. Dalam membicarakan tuntutan ketidaksahan penamatan kerjanya, isu-isu yang ditimbangkan oleh mahkamah adalah: (i) sama ada keputusan penamatan perkhidmatan plaintif oleh defendan melalui surat bertarikh 11 Ogos 1998 yang berkuat kuasa pada 8 Februari 1998 ('surat tersebut') dengan dibayar sebulan gaji sebagai ganti notis yang cukup, sah menurut terma dan syarat-syarat perkhidmatan defendan; dan (ii) sama ada surat defendan kepada plaintif bertarikh 11 Ogos 1998 merupakan notis penamatan perkhidmatan atau surat pembayaran gaji sebulan sebagai ganti notis penamatan perkhidmatan. Selain daripada itu jika ianya surat pembayaran gaji sebulan sebagai ganti notis, sama ada tarikh penguatkuasaan penamatan kerja boleh dikebelakangkan daripada masa gaji sebulan dibayar.

**Diputuskan**, menolak tuntutan plaintif:

(1) Adalah jelas bahawa surat tersebut adalah untuk pembayaran gaji sebulan sebagai ganti notis yang cukup. Tiada terdapat peruntukan khas dalam terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang mewajibkan sebulan gaji perlu dibayar pada hari pekerja berkenaan ditamatkan perkhidmatannya. Di sini, plaintif menerima gaji sebulan sebagai ganti notis selepas tarikh penamatan perkhidmatannya (lihat perenggan 8–10).

(2) Penamatan perkhidmatan plaintif oleh defendan melalui surat tersebut yang berkuat kuasa berkebelakangan kepada 8 Februari 1998 adalah sah. Plaintif telah ditamatkan perkhidmatannya melalui surat itu dengan diberi sebulan gaji sebagai ganti notis yang cukup dan surat itu jelas bukan merupakan notis tiga bulan untuk penamatan perkhidmatannya (lihat perenggan 11).

[**English summary**

The plaintiff's services were terminated by the defendant. In hearing his claim for unlawful termination, the issues considered by the court were: (i) whether the defendant's decision to dismiss the plaintiff through a letter dated 11 August 1998 ('the said letter'), which took effect on 8 February 1998, by paying him one month's salary in lieu of notice, was valid according to the defendant's terms and conditions of service; and

(ii) whether the defendant's letter to the plaintiff dated 5 August 1998 was tantamount to a termination notice, or a letter for payment of one month's salary payment in lieu notice of termination. Aside from that, if it was the latter, whether the effective date of termination could be backdated from the time the one-month salary was paid.

**Held**, dismissing the plaintiff's claim:

(1) Clearly, the said letter was for payment of one month's salary payment in lieu of notice of termination. There were no special provisions in the terms and conditions of service that necessitated the one month's salary to be paid on the day the relevant employee's work was terminated. In this case, the plaintiff had received one month's salary after the date of his termination (see para 8–10).

(2) The plaintiff's termination of services through the said letter, which effect was backdated to 8 February 1998, was valid. The plaintiff's services had been terminated through the letter together with the receipt of one month's salary in lieu of sufficient notice and the letter was clearly not a three-month notice for the termination of his services (see para 11).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai penamatan perkhidmatan, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1141–1179.
Untuk kes-kes mengenai penamatan pekerjaan, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1048–1054.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Alexander Proudfoot Productivity Services Co S'pore Pte Ltd v Sim Hua Ngee Alvin and Anor* [1993] 1 SLR 494 (dibeza)
*Gnanasundram v Government of Malaysia* [1971] 1 MLJ 208 (dirujuk)
*Ratnam Bikai Seevaratnam v Government of State of Pahang* [1982] 1 MLJ 16 (dirujuk)

*(George John & Co)* bagi pihak plaintif.
*Khairul Azman (Noorzilan, Nooron & Partners) bagi pihak defendan.*

**Zainal Adzam PK**:

**[1]** Dalam kes ini plaintif telah mendapatkan satu perintah pada 22 Januari 2001 untuk menarik balik tuntutan terhadap defendan-defendan kedua dan ketiga. Oleh yang demikian tuntutan plaintif adalah hanya terhadap defendan pertama ('defendan'). Pada 12 Oktober 2003 pula kedua-dua pihak telah bersetuju di hadapan saya untuk kes ini diputuskan melalui penghujahan-penghujahan bertulis tanpa memanggil mana-mana saksi. Ini disebabkan bahawa hanya satu isu sahaja berbangkit di dalam kes ini.

**[2]** Isunya ialah: sama ada keputusan penamatan perkhidmatan plaintif oleh defendan melalui surat bertarikh 11 Ogos 1998 yang berkuat kuasa

pada 8 Februari 1998 dengan dibayar sebulan gaji sebagai ganti notis yang cukup, sah menurut klausa-klausa 47.1 dan 48.2 Terma dan Syarat-Syarat Perkhidmatan defendan.

**[3]** Plaintif merupakan pekerja defendan dan telah mula berkhidmat dengan defendan pada 1 Julai 1978. Melalui surat bertarikh 11 Ogos 1998 defendan telah menamatkan perkhidmatan plaintif daripada tarikh dan bayaran seperti mana telah disebutkan. Pihak plaintif mengakui bahawa defendan mempunyai kuasa yang cukup bagi menamatkan perkhidmatan plaintif. Walau bagaimanapun, plaintif mempertikaikan cara kuasa tersebut digunakan oleh defendan yang mengakibatkan keputusan tersebut tidak sah. Plaintif menghujahkan bahawa surat bertarikh 11 Ogos 1998 itu merupakan notis penamatan kepada plaintif dan oleh yang demikian mengikut kl 48.2 Terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan, plaintif tidak diberikan tiga bulan notis sebelum ditamatkan perkhidmatannya oleh kerana ianya berkuat kuasa cara berkebelakangan mulai 8 Februari 1998. Mengikut plaintif tafsiran 'tiga bulan notis atau dibayar sebulan gaji' adalah tiga bulan daripada tarikh surat penamatan (iaitu 11 Ogos 1998).

**[4]** Oleh kerana dalam surat tersebut pihak defendan belakangkan tarikh kuat kuasa penamatan tersebut kepada 8 Februari 1998, plaintif telah tidak diberikan tiga bulan notis seperti mana dikehendaki dalam kl 48.2 itu. Pihak plaintif telah mengemukakan kes Mahkamah Rayuan Singapura mengenai notis penamatan perkhidmatan yang tidak sah, *Alexander Proudfoot Productivity Services Co S'pore Pte Ltd v Sim Hua Ngee Alvin and Anor* [1993] 1 SLR 494 sebagai rujukan.

**[5]** Pihak pula defendan telah berhujah bahawa mereka telah mengeluarkan surat penamatan perkhidmatan plaintif bertarikh 11 Ogos 1998 berdasarkan klausa-klausa 47.1 dan 48.2 Terma dan Syarat-Syarat Perkhidmatan defendan berkuat kuasa dari 8 Februari 1998 dengan membayar sebulan gaji sebagai ganti notis yang cukup. Seterusnya defendan berhujah bahawa mereka mempunyai pilihan di bawah kl 48.2 untuk memberi tiga bulan notis atau membayar sebulan gaji dan defendan telah memilih membayar sebulan gaji kepada plaintif sebagai ganti notis yang cukup dan oleh yang demikian isu notis yang cukup tidak timbul sama sekali. Klausa 47.1 Syarat-syarat Am Lantikan dan Perkhidmatan di bawah Terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan defendan menyatakan bahawa:

> 47.1 Bank boleh menamatkan perkhidmatan seseorang kakitangan mengikut syarat-syarat pelantikannya.

Klausa 48.2 pula menyatakan:

> 48.2 Atas kepentingan perkhidmatan kakitangan yang telah disahkan dalam jawatan juga boleh ditamatkan perkhidmatannya dengan diberi tiga bulan notis atau dibayar sebulan gaji, kecuali kakitangan yang ditamatkan perkhidmatannya atas sebab-sebab tindakan tatatertib.

**[6]** Oleh kerana pihak plaintif telah mengaku mengenai kuasa defendan untuk menamatkan perkhidmatannya, perkara tersebut tidak perlu dijelaskan. Persoalan yang tinggal ialah hanya mengenai sama ada surat

defendan kepada plaintif bertarikh 11 Ogos 1998 merupakan notis penamatan perkhidmatan atau surat pembayaran gaji sebulan sebagai ganti notis penamatan perkhidmatan. Selain daripada itu jika ianya surat pembayaran gaji sebulan sebagai ganti notis, sama ada tarikh penguatkuasaan penamatan kerja boleh dikebelakangkan daripada masa gaji sebulan dibayar.

**[7]** Isu tersebut dibangkitkan dalam kes *Gnanasundram v Government of Malaysia* [1971] 1 MLJ 208. Dalam kes tersebut pembayaran sebulan gaji sebagai ganti notis penamatan perkhidmatan dibayar kepada plaintif selepas bukan sebelum surat penamatan perkhidmatan diterima oleh plaintif. Plaintif dalam kes tersebut menghujah bahawa gaji sebulan itu sepatutnya dibayar kepadanya pada tarikh beliau ditamatkan perkhidmatan, bukan selepas itu. Hakim Abdul Hamid, dalam penghakimannya telah menyatakan sedemikian:

> ... The terms of the appointment, I think, clearly provide that the plaintiff's services may be terminated by the defendants with one month's salary in lieu of three months' notice. There was no specific provision stipulating that the month's salary must be paid on the day of the termination. As from that date, it cannot perhaps be denied that the plaintiff was entitled to the month's salary in the sense that it became due and payable and was thereby entitled to the month's salary in the sense that it became due and payable and was thereby entitled to a right of action against the defendants for the recovery of the sum due in the event of non-payment by the defendants. Under the terms of the appointment, the plaintiff too was also entitled to relinquish his appointment by giving one month's salary in lieu of notice. If the plaintiff were to do so, the defendants, I think, would have been entitled to a month's salary in lieu and to a right of action against the plaintiff for the recovery of the sum due if no payment was made ...
>
> ... In the circumstances, I am satisfied that the defendants terminated the services of the plaintiff pursuant to and in accordance with the requirements of the terms contained in para 2(d) of the offer of appointment.

**[8]** Berasaskan petikan daripada penghakiman di atas jelas bahawa surat defendan bertarikh 11 Ogos 1988 merupakan surat penamatan perkhidmatan dengan membayar gaji sebulan sebagai ganti notis yang cukup. Perenggan dua surat tersebut dengan nyatanya adalah seperti berikut:

> 2 Penamatan perkhidmatan tuan adalah berkuat kuasa mulai daripada 8 Februari 1998 dengan dibayar sebulan gaji sebagai ganti notis yang cukup.

**[9]** Seperti mana dalam kes *Gnanasundram v Government of Malaysia* tiada terdapat peruntukan khas dalam terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang mewajibkan sebulan gaji perlu dibayar pada hari pekerja berkenaan ditamatkan perkhidmatannya. Dalam kes ini juga plaintif menerima gaji sebulan sebagai ganti notis selepas tarikh penamatan perkhidmatannya.

**[10]** Mengenai isu sama ada tarikh penamatan perkhidmatan plaintif boleh dibelakangkan dan sama ada perkara tersebut memudaratkan kepentingan plaintif , pihak defendan telah menyatakan dalam perenggan 8

Penyataan Pembelaannya bahawa 'penamatan perkhidmatan plaintif telah dikeluarkan pada 11 Ogos 1998 yang berkuat kuasa mulai dari tarikh plaintif tidak hadir bertugas tanpa kebenaran iaitu pada 8 Februari 1998'. Kenyataan ini tidak disangkal oleh plaintif. Dalam keadaan demikian penamatan perkhidmatan plaintif daripada tarikh 8 Februari 1998 oleh defendan tidak menjejaskan atau memudaratkan kepentingan plaintif kerana plaintif sendiri telah melanggar syarat-syarat perkhidmatannya yang terikat dan berkuat kuasa ke atasnya. Dalam kes Mahkamah Persekutuan *Ratnam Bikai Seevaratnam v Government of State of Pahang* [1982] 1 MLJ 16, isu yang sama telah diputuskan seperti berikut:

> ... Finally the only remaining issue for us to deal with is the appellant's contention that the notice of termination of 30 June 1969 backdating the termination to 1 April 1969 as a breach of the terms of the appointment. It is pointed out that it was also not served during the period of appointment. The learned judge found that in this particular case the appellant refused to comply with the transfer order and failed to report for duty on 1 April 1969 at the new station in Temerloh. Clearly the appellant had herself breached the terms of the appointment, in particular in the light of conditions (e) and (f) as follows:
>
> '(e) That you are at all times subject to Government General Orders, Circulars and other administrative instructions ad may from time to time be issued relating to the work, conduct and Conditions of service of officers in the Public service, (f) That you will be liable to be employed in any part of the State of Pahang.'
>
> By her failure to report for duty as ordered, she in fact vacated her appointment. Although the termination notice was given with retrospective effect, it did not at all prejudice the appellant for she herself had ceased work. By her own admission, it was for personal reasons that she refused to comply with the order. Although we find it difficult to understand, indeed, are puzzled that the respondent had chosen to wait until that date to notify the appellant of the termination of the appointment, we however fail to see any ground for appellant to complain. A cause of action, indeed there was, would lie against the appellant. It was open to the respondent to make a claim against the appellant arising from the breach of the express term of appointment for her refusal to obey a lawful order.
>
> We see no merit whatever in this appeal and we accordingly dismiss it with costs.

**[11]** Daripada apa yang berlaku dalam kes ini saya dapati bahawa penamatan perkhidmatan plaintif oleh defendan melalui surat bertarikh 5 Ogos 1998 berkuat kuasa berkebelakangan kepada 8 Februari 1998 adalah sah. Plaintif telah ditamatkan perkhidmatannya melalui surat itu dengan diberi sebulan gaji sebagai ganti notis-notis yang cukup dan surat itu jelas bukan merupakan notis tiga bulan untuk penamatan perkhidmatannya. Kes *Alexander Proudfoot Production Services Co S'pore Pte Ltd v Sim Hua Ngee Alvin & Anor* yang dikemukakan bagi pihak plaintif tidak relevan kepada kes ini. Dalam kes tersebut notis penamatan perkhidmatan didapati tidak sah oleh Mahkamah Rayuan Singapura kerana telah dikeluarkan bukan oleh majikan plaintif-plaintif tetapi oleh pihak lain yang mana tiada apa-apa kaitan kontrak dengan plaintif-plaintif. Sebenarnya apabila didapati bahawa majikan mempunyai kuasa yang sah untuk menamatkan perkhidmatan pekerjanya dan telah menggunakan kuasa tersebut dengan sah dan tepat, mahkamah tidak akan menyoal

mengenai sebab-sebab majikan hendak menamatkan perkhidmatan berkenaan. Abdul Hamid H dalam kes *Gnanasundram v Government of Malaysia* telah menyatakan seperti berikut (di ms 210):

> ... The plaintiff was fully aware that his services could be terminated at any time when he accepted the appointment. Hemust therefore be deemed to have accepted the terms and conditions contained in the offer of appointment. When the defendants terminated the services of the plaintiff, they were in effect exercising the right under and in accordance with the terms of the offer of appointment. The plaintiff cannot, I think, be heard to complain if he had indeed agreed to be bound by those terms. It does not seem to be the concern of this court to go behind the administrative machinery of the government so as to inquire into the reason why the defendants should want to terminate the plaintiff's services. Since the defendants had properly exercised the right in accordance with the agreed terms of appointment, it is unreasonable and indeed there is absolutely no reason for this court to hold that such termination was a cloak for dismissal ... .

**[12]** Berasaskan semua alasan-alasan seperti mana saya telah nyatakan saya dapati bahawa tuntutan oleh plaintif tidak bermerit dan oleh yang demikian tuntutan-tuntutannya ditolak dengan kos.

*Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.*

Dilaporkan oleh AG Kalidas